

## 61 Pelajar UMP sertai program apprentis MAI

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK  
kampus@utusan.com.my

**S**ERAMAI 61 pelajar daripada program apprentis dengan kerjasama Malaysia Automotif Institute (MAI) Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menamatkan program fasa satu dalam latihan kejuruteraan acuan dan pembentukan logam sebelum penempatan di industri di sini kampus UMP di sini, baru-baru ini.

Pelajar-pelajar terlibat dijangka menjalani latihan selama empat bulan dalam industri di Sipro Plastik Industri, Technologies Sanko Permintex, Industri Delloyd, Burnmark Sdn Bhd, Sdn Bhd Autokeen dan Miyazu (M) Sdn Bhd. Lain-lain APM Plastics, Ingress, Miyazu, Sapura, Sugihara dan WSA Engineering.

Majlis penyampaian sijil tamat latihan dan penempatan industri telah disempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Jacob Dungau Sagan.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MAI, Madani Sahari, dan Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UMP, Prof. Dr Yuserrie Zainuddin.

Menurut Jacob, kerjasama antara pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan industri membolehkan UMP menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan dalam melahirkan 5700 jurutera yang kompeten menjelang tahun 2015.

"Program apprentis UMP dapat mengurangkan jurang yang dikenalpasti bagi memenuhi keperluan industri dalam



JACOB (tengah) melihat model kereta ketika mengadakan lawatan di makmal Fakulti Kejuruteraan Mekanikal di UMP, Pekan, baru-baru ini.

menghasilkan jurutera yang pakar dengan kemahiran khusus dalam industri automotif dan pelajar ditekankan dengan kemahiran insaniah serta budaya kerja dalam industri.

"Pelajar didedahkan tentang cara kerja dalam industri automotif, kemahiran yang relevan dan budaya kerja industri yang melibatkan pengajian subjek akademik universiti dan tenaga pengajar dari industri yang diselaras oleh pihak MAI," katanya.

Program kerjasama MAI dengan UMP ini melibatkan pelajar tahun tiga daripada Fakulti Kejuruteraan

Pembuatan yang berpeluang menjalani program apprentis Mould Engineering (Plastik Industri), Die Engineering (Industri Logam) dan Lean Manufacturing Systems

Sehingga kini, program apprentis ini melibatkan seramai 120 bakal jurutera daripada dari UiTM dan UMP. Pihak MAI berharap untuk memperluaskan program ini ke seluruh negeri dan melibatkan industri berdasarkan komponen automotif. Ini dijangka menghasilkan jurutera mahir bagi membantu meningkatkan daya saing industri automotif tempatan.